

SEAMEO RECSAM, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
(Arahan Perbendaharaan No.170)

SEBUTHARGA/TENDER BAGI BEKALAN
BARANG-BARANG/ PERKHIDMATAN

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

SEBUTHARGA/TENDER NO.
RCP/FIN/12V/15 (03/20)

*Sebutharga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
Di Kampus Recsam*

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh
SEAMEO RECSAM
Tarikh: 05 .02. 2020

1. Sila beri sebutharga bagi bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang tertentu.
2. Syarat-syarat serahan : Melalui pos berdaftar atau serahan tangan yang dimasukkan di dalam kotak yang telah disediakan.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan/disempurnakan **1 minggu selepas menerima pesanan**

Arahan Pengiriman :

4. Pembayaran **30 hari daripada tarikh invois dengan syarat kerja telah disiapkan dan dipersetujui oleh pihak Recsam**
5. Sebutharga /Tender mestilah sampai ke alamat di atas tidak lewat daripada **jam 12 Tengah hari** pada **05. 03. 2020** dan hendaklah sah selama **60** hari selepas itu
6. Sebutharga/Tender mestilah dimasukkan dalam satu sampul surat berlakri yang ditanda:-

Sebutharga/Tender - No: RCP/FIN/12/V15 (03 - 20)

Tandatangan.....
DR. SUHARDI TAHIR.
Jawatan.....PENGARAH.....
SEAMEO RECSAM

No.	Barang/Perkhidmatan Perihal Barang dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti	Kadar	Amaun
	<p>SEBUTHARGA UNTUK KERJA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DIKAMPUS RECSAM</p> <p>Kawasan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Recsam:</p> <p>Bangunan Pejabat Pentadbiran (Blok Seameo) International House (Blok Reception,Blok A,B,C dan D) Bangunan Komplek Perniagaan Recsam / Recsam Café, Bangunan Kuarters Recsam, Bangunan Recsam Hall, Kawasan Perumahan Pengarah</p> <p>Bilangan Tenaga kerja</p> <p># Speksifikasi Perkhidmatan DiLampirkan Bersama</p> <p>JUMLAH</p>			

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas.

Petender.....

Jadual 1

SPEKSIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KAMPUS SEAMEO RECSAM.

1.0 LOKASI DAN KAWASAN PERKHIDMATAN

- 1.1 Lokasi Perkhidmatan ialah di KAMPUS SEAMEO RECSAM
- 1.2 Kawasan Perkhidmatan adalah seperti berikut:
 - 1.2.1 Bangunan Pejabat Pentadbiran (Blok SEAMEO)
 - 1.2.2 Bangunan International House (Blok Reseption, Blok A, B, C dan D)
 - 1.2.3 Bangunan Komplek Perniagaan RECSAM / RECSAM Cafe
 - 1.2.4 Bangunan Kuarters RECSAM
 - 1.2.5 Bangunan RECSAM Hall
 - 1.2.6 Kompleks Kediaman Pengarah dan Timbalan Pengarah

2.0 SKOP KERJA

- 2.1 Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan secara *terus menerus iaitu 24 jam sehari* di Kampus **SEAMEO RECSAM** mengikut jadual tugas dan bilangan pengawal sebanyak 3 orang pada setiap 12 jam. Setiap anggotanya hendaklah berupaya dari segi fizikal dan mental untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan dengan mengadakan rondaan di kawasan tersebut (seperti di lampiran 1) bagi memastikan keadaan sekeliling, bangunan dan harta benda berada dalam keadaan tenteram, baik dan selamat.
- 2.2 Anggota pengawal hendaklah berupaya membuat rondaan, menyelenggara satu daftar laporan harian dan melaporkan dengan segera kepada Pegawai Keselamatan RECSAM, mengenai apa-apa kejadian yang memerlukan tindakan serta merta. Anggota pengawal dikehendaki menentukan harta benda kelengkapan dan peralatan berada ditempat yang sepatutnya dan dalam keadaan yang selamat.

- 2.3 Setiap pengawal harus mengetip kad kedatangan di International House Reception dan rekod kedatangan harian perlulah dikemukakan bersama-sama Invois oleh pihak Syarikat kepada RECSAM apabila mengemukakan tuntutan bayaran.
- 2.4 Rekod kunci jam pengawal harus diserahkan kepada International House Reception setiap bulan/setiap kali kertas rekod kunci jam telah habis.

3.0 JADUAL TUGAS

3.1 Lampu Bangunan.

- 3.1.1 7.00 pm
Menghidupkan lampu yang bertanda biru sahaja.
- 3.1.2 7.00 am.
Mematikan switch lampu yang bertanda biru sahaja.
- 3.1.3 7.00 pm-7.00 am.
Menghidupkan lampu di Post Pengawal.

3.2 Rondaan/Kunci Jam Pengawal

- 3.2.1 9.00pm-7.00am.
Meronda dan mengunci jam Pengawal sebanyak **26 point**.
2 jam sekali secara bergilir.

3.3 Lalulintas.

- 3.3.1 Memastikan kenderaan orang awam yang berurusan dengan RECSAM diletakkan di tempat letak kereta yang telah disediakan.
- 3.3.2 Memastikan hanya Bas SEAMEO RECSAM dan yang mendapat kebenaran dari SEAMEO RECSAM sahaja dibenarkan untuk keluar masuk.
- 3.3.3 Memastikan hanya kenderaan yang mempunyai kebenaran sahaja yang dibenarkan untuk keluar masuk atau meletak kenderaan.
- 3.3.4 Menguruskan daftar butir-butir keluar masuk pelawat termasuk semua kenderaan lori.

3.4 Pintu Masuk

- 3.4.1 Memastikan pemeriksaan dan kawalan yang lebih ketat dilaksanakan bagi kenderaan dan orang awam yang masuk keluar tanpa kebenaran atau tiada kad/pelekat kenderaan yang dibenarkan pada setiap masa.
- 3.4.2 Pintu utama harus ditutup tepat jam 12:30 pagi dan dibuka kembali pada jam 5:30 pagi.

3.5 Buku Daftar/Laporan

- 3.5.1 Menyediakan buku daftar untuk merekodkan butir-butir pelawat dan tujuan lawatan.
- 3.5.2 Menyediakan buku laporan untuk merekodkan apa-apa kejadian pada setiap hari.

4.0 PENYEDIAAN ALAT KELENGKAPAN

- 4.1 **SYARIKAT** bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan kelengkapan kepada anggota pengawalnya dengan kelengkapan-kelengkapan seperti pakaian seragam, cotar, wisel, lampu picit dengan bateri secukupnya, baju hujan, walkie-talkie, jam pengawal dan lain-lain kelengkapan.
- 4.2 Menyediakan motosikal untuk tugas rondaan di kawasan kuarters atau sebagainya.

5.0 TENAGA BURUH

- 5.1 **SYARIKAT** dikehendaki menyediakan pekerja secukupnya untuk memenuhi kehendak skop dan jadual tugas yang telah ditetapkan termasuk pada hujung minggu dan cuti am.
- 5.2 **SYARIKAT** dikehendaki mengemukakan senarai anggota pengawal kepada Ketua Pegawai Keselamatan, Jabatan Perdana Menteri untuk tapisan keselamatan dan seterusnya kepada pihak RECSAM. **RECSAM** berhak menolak mana-mana anggota pengawal yang tidak diluluskan oleh Ketua

Pegawai Keselamatan. *Anggota pengawal yang dibekalkan hendaklah merupakan anggota pengawal yang terlatih berumur diantara 20 hingga 60 tahun, sihat tubuh badan, mempunyai penglihatan yang baik dan tidak mempunyai rekod jenayah.*

- 5.3 **SYARIKAT** hendaklah menentukan bahawa pekerja-pekerjanya yang dilantik mematuhi syarat Undang-Undang Buruh Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa dan bebas dari sebarang bentuk jenayah atau salah guna dadah.
- 5.4 **RECSAM** berhak meminda atau menambah atau mengubah tugas-tugas yang berkaitan atau mengarah **SYARIKAT** mengganti atau menukar mana-mana anggota Pengawal yang tidak hadir bertugas atau tidak menurut arahan yang diberikan oleh **RECSAM** atau yang pada pandangan **RECSAM** tidak berdisiplin.
- 5.5 **SYARIKAT** dikehendaki memberi maklumat mengenai pekerjanya kepada **RECSAM** atau wakilnya setiap kali berlaku penggantian anggota pengawal yang baru.
- 5.2 Anggota Pengawal dikehendaki memakai pakaian seragam dengan lengkap pada setiap masa sewaktu bertugas.
- 5.3 **SYARIKAT** dilarang sama sekali untuk mengambil kakitangan Pusat ini sebagai pekerja sambilan atau gantian.
- 5.4 **SYARIKAT** baru yang dilantik dilarang untuk mengambil semula anggota pengawal sediada.

6.0 PERKARA-PERKARA YANG DITEGAH

- 6.1 Mengambil atau membawa keluar dokumen-dokumen serta sebarang harta RECSAM dalam kawasan ini tanpa kebenaran dari pihak RECSAM.
- 6.2 Menyimpan ataupun membiarkan barang-barang yang tidak berguna termasuk alat kelengkapan perkhidmatan di dalam post kawalan.

- 6.3 Melakukan pembakaran terbuka di kawasan RECSAM. Pembakaran terbuka adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 29(A)1 Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan)2000.
- 6.4 Meninggalkan post kawalan tanpa pengganti.
- 6.5 Tidur semasa bertugas.
- 6.6 Mbenarkan orang-orang yang tidak berkenaan berada di Post Pengawal.
- 6.7 Memadam lampu Post Pengawal di waktu malam.
- 6.8 Mengotorkan Post Pengawal.
- 6.9 Menghisap rokok dan sebarang barang terlarang dibawah Akta Dadah (Akta Dadah Berbahaya 1952) dan membawa atau meminum minuman keras di dalam kawasan kampus RECSAM.
- 6.10 Membawa sebarang alat media seperti televisyen atau seumpama ke dalam pondok pengawal.
- 6.11 Menyediakan makanan atau memasak didalam pondok pengawal.

7.0 KEROSAKAN

- 7.1 **SYARIKAT** adalah bertanggungjawab untuk melaporkan secara bersurat kepada RECSAM atau wakilnya tentang barang-barang kelengkapan yang didapati rosak, pecah atau tidak boleh digunakan lagi semasa melaksanakan perkhidmatan ini.
- 7.2 **SYARIKAT** bertanggungjawab untuk menanggung dan membayar balik kerugian yang dialami oleh **RECSAM** kerana kehilangan, kecurian, kebakaran atau apa-apa sebab lain disebabkan kecuaian oleh pekerja **SYARIKAT** semasa menjalankan perkhidmatan. Bagi tujuan ini **SYARIKAT** dikehendaki mengambil insuran perlindungan.

- 7.3 **RECSAM** setelah menyedari setiap kejadian kecurian atau kehilangan akan membuat laporan Polis dan dalam masa 7 hari mengemukakan notis tuntutan kerugian secara bertulis melalui pos berdaftar kepada pihak Syarikat.
- 7.4 Pegawai atau kakitangan **RECSAM** berhak untuk membuat pemeriksaan mengejut dari masa kesemasa bagi memastikan Anggota Pengawal melaksanakan tugas sebagaimana yang telah ditetapkan dan memeriksa keadaan serta kebersihan Post Pengawal.

8.0 TAWARAN DAN KONTRAK

- 8.1 Satu perjanjian akan disediakan di antara pihak **RECSAM** dan **SYARIKAT** yang berjaya di dalam tawaran perkhidmatan kawalan keselamatan ini bagi tempuh selama 1 tahun.
- 8.2 Perjanjian tersebut boleh dilanjutkan dengan persetujuan kedua belah pihak.
- 8.3 Dalam tempuh pelaksanaan kontrak, Kontraktor dikehendaki berjumpa pegawai yang menjaga dari masa ke semasa untuk mendapatkan pandangan/maklumbalas mengenai prestasi/mutu perkhidmatannya.
- 8.4 **Kontrak** tersebut boleh ditamatkan oleh kedua-dua belah pihak tanpa sebarang alasan dengan memberi satu bulan notis secara bertulis.
- 8.5 **SYARIKAT** akan menanggung segala kos dan perbelanjaan berhubung dengan penyediaan perjanjian termasuk cukai setem.
- 8.6 **SYARIKAT** dikehendaki mengemukakan suatu Bon Perlaksanaan (Performance Bond) dalam bentuk Surat Jaminan Bank yang tidak boleh dibatal dari sebuah Bank yang ditubuhkan di Malaysia sebanyak dua setengah peratus (2.5%) daripada nilai tahunan kontrak dan dipegang oleh **RECSAM** sebagai jaminan kepada perlaksanaan syarat-syarat dalam perjanjian oleh syarikat.

8.7 **SYARIKAT** hendaklah menanggung bayaran peguamcara dan lain-lain kos Mahkamah yang terpaksa ditanggung oleh **RECSAM** akibat pelanggaran mana-mana syarat dari perjanjian ini oleh **SYARIKAT**.